

17 MAR 1997

Mahathir-Landasan

LALUAN KERETAPI KHUSUS KUANTAN-TERENGGANU AKAN DIBINA

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mewujudkan laluan keretapi khusus menghubungkan Kuantan dengan Kertih, Terengganu.

Katanya keretapi itu untuk mengangkut barangan mentah bagi keperluan industri selain untuk mengangkut penumpang, .

Petronas dan KTM Berhad akan membincangkan hal-hal berkaitan pelaksanaan projek itu, kata beliau semasa ditemui pemberita selepas merasmikan kilang W.R Grace (Packaging) Sdn Bhd di sini.

Katanya kerajaan juga berharap dalam jangka panjang KTM Berhad akan mewujudkan laluan baru dari Pantai Barat ke Pantai Timur Semenanjung.

"Walaupun kosnya pada masa ini nampak tinggi tetapi kalau pembangunan di Pantai Timur menjadi pesat dan memerlukan pengangkutan barangan dan penumpang dari Pantai Barat dan Pantai Timur dan sebaliknya, maka kita akan hubungkan dengan laluan keretapi itu," katanya.

Beliau berkata satu kajian mengenai projek itu akan dibuat dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

Mengenai pertumbuhan kawasan perindustrian Gebeng di sini, beliau berkata kerajaan Pahang telah memilih strategi yang sesuai untuk menjadikan Gebeng sebagai pusat industri petrokimia.

Beliau berkata, kerajaan Pahang telah berjaya menarik pelaburan asing dengan banyak dan membantu menjayakan hasrat kerajaan untuk membangunkan koridor timur yang merangkumi Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian Johor.

Tumpuan kerajaan Pahang kepada industri besar yang memerlukan kawasan yang lebih luas merupakan satu dasar yang tepat bagi negeri ini kerana Pahang mempunyai aset tanah dan kawasan yang luas serta berhampiran dengan laut. -- BERNAMA

ROS NMO